



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

19 April 2017

KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROSIDING PROJEK MENAIK TARAF HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL, BATU PAHAT, JOHOR

- 1) Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membabitkan Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor dipengerusikan oleh Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) berikutan saya tidak dapat menghadiri diri atas kerana ada perkara yang tidak dapat dielakkan.
- 2) PAC Parlimen memandang serius isu-isu yang membabitkan pengurusan projek pembinaan hospital seperti yang banyak kali dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) saban tahun.
- 3) PAC Parlimen setakat ini, sudah memanggil dua kali prosiding membabitkan pembinaan hospital termasuk Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor yang diadakan pada 1 April 2015.
- 4) Dalam isu Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Kerajaan terpaksa mengeluarkan kos tambahan berjumlah RM68.53 juta kepada kontraktor berikutan kelemahan pengurusan projek berkenaan.
- 5) Semua sedia maklum, pembinaan hospital membabitkan kerja teknikal dan peralatan perubatan yang canggih yang memerlukan kepakaran dan kontraktor mahir serta berpengalaman dalam melaksanakan projek berkenaan.
- 6) Sehubungan itu, PAC Parlimen berharap Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil serius terhadap pengurusan projek pembinaan hospital dan memastikan ia dapat disiapkan mengikut jadual demi kepentingan rakyat bagi mengelakkan pembaziran wang Kerajaan.
- 7) Dalam matlamat kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, kelambatan penyediaan projek hospital akan mengganggu kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik.

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia